## 9 Apakah keburukan jika tidak Menjalani proses pemandulan?



Kanser Payudara



Kanser Rahim



Kanser Testis



Anjing Menjadi Agresif

*Marilah Bersama-sama Merealisasikan Seberang Perai Menuju Anjing Terbiar Sifar. Mandulkan Anjing Anda di Bawah Program Ini Sekarang!*

## 10 Perkara yang perlu dilakukan sebelum pemandulan.

- **Pemilik hendaklah tidak memberi sebarang makanan kepada anjing peliharaan mereka selama 12 jam sebelum waktu pembedahan akan dijalankan.**
- **Pemilik juga tidak boleh memberi sebarang minuman kepada anjing tersebut selama 2 jam sebelum waktu pembedahan akan dijalankan.**
- **Pemilik di minta untuk membersihkan dan memandikan anjing sebelum dihantar untuk pemandulan.**

## 11 Untuk maklumat lanjut Sila hubungi :


**BAHAGIAN VETERINAR,**
**JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,**
**CAWANGAN MPSP JALAN BETEK,**
**14000 BUKIT MERTAJAM.**
**Tel : 04-5402566 / 04-5402575**
**Fax : 04-5303032**


MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI

# PROGRAM PEMANDULAN ANJING MPSP

Love Your Paws

SAVE A LIFE · SPAY & NEUTER

*"Seberang Perai Menuju Anjing Terbiar Sifar"*


**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA,
14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.
TEL : 04-549 7555 | FAX : 04-538 9700


www.mpsp.gov.my

# Program Pemandulan Anjing MPSP

## APA ITU PROGRAM PEMANDULAN ANJING MPSP?

Merupakan satu program pelan tindakan di bawah Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar dimana MPSP akan memandulkan anjing yang mempunyai pemilik bagi mengelakkan pembiakan secara berleluasa seterusnya pembuangan anjing terbiar di seluruh Seberang Perai.

## APAKAH KELEBIHAN PROGRAM INI?

Pemilik anjing boleh menikmati...

**! KADAR PEMANDULAN ANJING YANG RENDAH !**

| | |
|---|---|
| RM 180.00 | ANJING BETINA |
| RM 80.00 | ANJING JANTAN |

## SIAPA YANG BOLEH MENGIKUTI PROGRAM INI?

Terbuka kepada semua pemilik anjing di seluruh Seberang Perai

Pemilik anjing yang berminat boleh membuat pendaftaran dengan menghubungi pejabat Bahagian Veterinar MPSP di talian 04-5402566 atau emelkan kepada vet@mpsp.gov.my

## Apakah yang dimaksudkan dengan pemandulan haiwan?

Pemandulan ialah satu pembedahan kecil yang dilakukan untuk membuang organ sistem pembiakan haiwan tersebut seterusnya menghilangkan keupayaan secara biologi dan kekal bagi haiwan tersebut untuk membiak.

## Adakah ianya menyakitkan?

Proses pembedahan ini tidak menyakitkan kerana ubat pelali akan diberikan terlebih dahulu sebelum pembedahan dijalankan.

## Bilakah waktu yang sesuai untuk pemandulan dilakukan?

Apabila anjing peliharaan anda mencapai umur 6-8 bulan.





## Sudut Informasi

- TAHUKAH ANDA SEEKOR ANJING BETINA BOLEH MELAHIRKAN ANAK 2 KALI DALAM TEMPOH SETAHUN ???
- TAHUKAH ANDA PURATA PADA SETIAP KELAHIRAN ADALAH SEBANYAK 8 EKOR ??
- INI BERMAKNA DALAM TEMPOH SETAHUN SAHAJA 16 EKOR ANAK ANJING AKAN DILAHIRKAN SEKIRANYA ANJING TERSEBUT TIDAK DIMANDULKAN!!!



| Anjing Jantan | Anjing Betina |
|---|---|
| MENCEGAH KANSER TESTIS | MENCEGAH JANGKITAN PADA RAHIM |
| ANJING TIDAK LAGI KENCING MERATA-RATA | MENCEGAH KANSER PAYUDARA |

ANJING LEBIH JINAK DAN TIDAK AGRESIF